

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Karnival Kreativiti dan Science4u di Melaka	Utusan Malaysia
2	Kongsi maklumat dan petua	Utusan Malaysia
3	Platform rapatkan jurang dua generasi	Utusan Malaysia
4	Pemenang kuiz aplikasi teknologi satelit siri I diumumkan	Utusan Malaysia
5	Will palm oil survive climate change?	New Straits Times
6	Two-hour downpour causes flash floods in KK	The Star

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 9  
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

## **Karnival Kreativiti dan Science4u di Melaka**

KEMENTERIAN Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) akan menganjurkan Karnival Kreativiti dan Science4U di dua buah sekolah di Melaka pada 18 September dan 21 September ini.

Karnival tersebut memilih Sekolah Menengah Ayer Keroh pada 18 September 2013 dan Sekolah Menengah Tun Haji Abdul Malek pada 21 September sebagai lokasi penganjuran yang dijangka dapat menarik penyertaan lebih 2,000 orang pelajar di negeri terbabit.

Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah berkata, program tersebut merupakan platform terbaik bagi kementerian untuk menyalur dan berkongsi ilmu tentang sains, teknologi dan inovasi dengan masyarakat setempat.

“Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran terhadap sains, teknologi dan inovasi di kalangan para pelajar sekolah, belia dan komuniti setempat,” katanya.

Program berkenaan diadakan sempena dengan pengisytiharan Tahun Dekad Inovasi (2010 - 2020) dan program Gerakan Inovasi Nasional.

Semua aktiviti yang dilaksanakan semasa karnival

adalah khusus untuk membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan generasi muda serta memberi pendedahan kepada mereka terhadap realiti sebenar dunia sains dan teknologi.

Karnival ini dijangka dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira (Ir) Idris Haron.

Hadiah-hadiah menarik turut menanti peserta dan pengunjung bertuah melalui pertandingan - pertandingan yang akan dijalankan.

Antara pengisian yang menarik bakal diadakan ialah pencerapan matahari, program *MyBio@School*, demonstrasi roket air serta pameran interaktif.

Di samping itu, pelajar-pelajar terpilih berpeluang mengikuti latihan melalui bengkel Aeromodeling dan robotik yang dikendalikan oleh MOSTI.

Pelbagai jabatan dan agensi di bawah MOSTI, kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka turut serta dan bersedia berkongsi maklumat serta teknologi masing-masing kepada peserta dan pengunjung karnival.

Diharap karnival tersebut akan dapat menarik lebih banyak penyertaan serta dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran.



**DR. ABU BAKAR MD. DIAH**



**MOSTI mahu supaya budaya sains dan teknologi dipupuk menerusi penyelidikan dan kempen kesedaran. - Gambar hiasan**



KERATAN AKHBAR  
 UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 8  
 TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

MegaSains

Oleh LAUPA JUNUS  
 laupa.junus@utusan.com.my  
 Gambar: ABCUJI, NAZIR MOHAMED

# Kongsi maklumat dan petua berguna

Yayasan Inovasi Malaysia dan MACRI cetuskan idea rapatkan jurang golongan muda dan warga emas menerusi program perkongsian ilmu dan inovasi

**S** IAPAKAH di kalangan kita yang mengetahui maksud pembayang dalam rangkap pantun pisang emas di bawa belayar, masak sebiji di atas peti?

Siapakah pula yang mengetahui kenapa dalam masakan Melayu sebagai contoh, masak lemak rebung selalunya bersama dengan perut lembu?

Apakah kepentingan mengetahui semua ini dan perlunya kita mengetahui keseluruhan petua warisan nenek moyang yang sewajarnya dikongsi kepada orang lain terutama generasi muda.

Sehubungan itu, inisiatif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) dan serta Perbadanan Putrajaya menyediakan ruang dan peluang serta platform bagi menyetuskan program Kongsi Cerita sempena sambutan hari ulang tahun kemerdekaan ke-56 baru-baru ini wajar dicontohi.

Mengambil sempena 50 tahun sambutan ulang tahun penubuhan Malaysia atau Hari Malaysia, keempat-empat pihak bergabung tenaga memanfaatkan bidang kreativiti dan inovasi yang mana golongan generasi warga emas berkongsi cerita, pengalaman dan petua kepada kumpulan generasi Y untuk dimanfaatkan sebagai pengetahuan.

Menurut Ahli Jawatankuasa MACRI, Datuk **Dr. Marzalina Mansor**, menerusi program Kongsi Cerita bertemakan *Menghubungkan Pengalaman Lalu Ke Arah Kesejahteraan Akan Datang*, memberi peluang generasi muda mewawancarai golongan warga emas yang sebaya dengan ibu bapa mereka dengan ilmu, pengalaman dan petua yang dicurahkan itu dijadikan bahan penyertaan pertandingan.

"Tujuan program ini adalah untuk ialah menggalakan generasi muda supaya sentiasa berinteraksi dengan golongan warga emas. Peluang ini membolehkan mereka bercampur dengan orang lain dan tidak terlalu menumpukan kepada hal sendiri, bermain gajet dan sebagainya, yang boleh menjarakkan jurang dengan golongan berusia daripada mereka.

"(Ini kerana) Kita melihat golongan muda masa kini sibuk dengan dunianya, bermain peranti pintar dan melupakan dunia atau persekitaran mereka," katanya.

Beliau ditemui pada majlis program *Meratikan Kerjasama, Kreativiti dan Alam Sekitar* serta pelancaran *Golden Linkages Contest* dan Jejak Inovasi Zon Tengah di Taman Wetland Putrajaya baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPIN, L. Gandesan; Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Taman Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya, Haslinda Khalid; Pengarah Pembangunan Inovasi dan Pengkomersialan YIM, Dr Othman Omar, Pengurus Kanan Komunikasi Korporat YIM, Sharmila Salleh dan personaliti televisyen, Nizal Mohamad.

Menerusi perakuan tersebut, peserta dibahagikan kepada kumpulan atau individu. Mereka akan duduk bersama bersembang dengan golongan golongan warga emas untuk berkongsi cerita dan maklumat, inovasi akar umbi dan petua dan yang kemudian dihantar kepada penganjur sebagai penyertaan dalam bentuk video, *snapshot* atau bertulis.

Menurut Marzalina, *linkages*



SEBAHAGIAN 150 belia yang terlibat sebagai sukarelawan Penggerak Inovasi IMalaysia (ICATs) di Putrajaya baru-baru ini.



DR. MARZALINA MANSOR



RAMESH PILLAI



SHARMILA SALLEH

bermaksud menghubungkan golongan warga emas dan golongan muda supaya mereka dapat bersama-sama, menghayati makna kebersamaan, dalam suasana merdeka serta menghayati keindahan alam selain berkongsi maklumat termasuk inovasi akar umbi.

"Sebab itu ada yang mempunyai petua boleh berkongsi kepada anak muda bahawa pisang emas di bawa belayar masak sebiji di atas peti bagi memberitahu golongan muda (bahawa) pisang emas dimakan semasa belayar bagi mengelakkan mabuk dan dimakan sebiji-sebiji.

"Inilah (contoh) perkongsian cerita yang kami harapkan menerusi program ini," katanya.

Sementara itu Setiausaha Eksekutif

MACRI, **Ramesh Pillai** berkata, setakat ini 300 penyertaan sudah diterima dan pihaknya menasaskan sehingga 500 penyertaan menjelang tarikh tutup esok.

"Proses penghakiman dijangka pada 11 September," katanya sambil memberitahu bahawa hadiah utama ialah RM5,000 manakala hadiah khas menawarkan RM1,000.

Semua penyertaan boleh disalurkan kepada penganjur dengan melayari [www.golden-linkages.my](http://www.golden-linkages.my)

Terakhir, pada majlis tersebut, seramai 150 belia diberi taklimat kesukarelawan sebagai Penggerak Inovasi IMalaysia (ICATs) oleh YIM sebagai penjejak inovasi. ICATs mempunyai 2,500 anggota setakat ini sejak



**Info**

- ➔ Jejak Inovasi Zon Tengah bermula 31 Ogos 2013 dan program sentiasa berterusan.
- ➔ YIM menasaskan sekurang-kurangnya 50 inovasi dapat dikenal pasti di Zon Tengah.
- ➔ Sebahagian inovasi akan dipamerkan pada 20 September ini di YIM Pusat Inovasi YIM, Cyberjaya.
- ➔ Sukarelawan Penggerak Inovasi IMalaysia ( ICATs) berperanan sebagai mata dan telinga bagi menjejak dan melaporkan inovasi yang terdapat di sekitar Zon Tengah.

